



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

SELANGOR DARUL EHSAN

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

40503 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN



SIRIM

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2000
Registration No : AR 1991

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Kami : dlm.IPK.Sel. 3880 Jld.2 (28)

Tarikh :

Rejab 1430H

30/5/2009



- SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN -

Y.Bhg.Dato' / Y.Bhg.Datin Paduka /Tuan / Puan,

PENGEDARAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN YANG DITERIMAPAKAI OLEH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama - sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2009 – Penambahbaikan Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam yang telah diluluskan pemakaianya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 16 / 2009 bertarikh 20 Mei 2009 untuk makluman dan tindakan pihak Y.Bhg.Dato' / Y.Bhg.Datin Paduka /Tuan / Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SITI MUNIRAH BINTI IBNI HAJAR)

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

CC
Sila maklumkan
pd wajah icT
ur
3/7

s.k.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)


(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

No. Telefon: Caw. Perkhidmatan: 03-55447470, Caw. Latihan: 03-55447075, Caw. Pinjaman Pelajaran: 03-55447543

Caw. Pembangunan Organisasi: 03-55447972, Caw. Integriti: 03-55447535, Caw. Prestasi: 03-55447469, Caw. Bina Insan: 03-55447515,

Unit Pentadbiran: 03-55447471, Kaunter: 03-55447964

No. Fax: 03-55447005 / 55447561 / 55447201 | Laman Web: <http://selangor.gov.my>



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2009

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung penambahbaikan kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Bersalin diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam selama 60 hari yang dikira mulai dari tarikh pegawai bersalin. Pegawai hendaklah mengemukakan perakuan bersalin dan permohonan cuti kepada Ketua Jabatan sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 bagi tujuan diluluskan Cuti Bersalin.

PELAKSANAAN

3. Penambahbaikan kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

- a. pegawai boleh menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin;
- b. pegawai perlu mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital/klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran** surat pekeliling perkhidmatan ini;
- c. tempoh Cuti Bersalin yang diambil lebih awal dari tarikh dijangka bersalin ini adalah termasuk di dalam jumlah 60 hari Cuti Bersalin yang diperuntukkan kepada pegawai;
- d. kemudahan Cuti Bersalin yang diambil lebih awal ini disediakan sebagai suatu pilihan kepada pegawai. Pegawai yang tidak berhasrat menggunakan kemudahan Cuti Bersalin lebih awal boleh menggunakan Cuti Bersalin tertakluk kepada kaedah sedia ada iaitu bermula dari tarikh pegawai bersalin sepetimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 atau pindaannya dari semasa ke semasa; dan
- e. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan Cuti Bersalin yang diambil lebih awal ini direkod di dalam Buku Perkhidmatan pegawai.


TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2009**.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

20 April 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



LAMPIRAN

**BORANG PERMOHONAN MENGGUNAKAN
CUTI BERSALIN LEBIH AWAL DARI TARikh DIJANGKA BERSALIN
(Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2009)**

.....
.....
.....

(Ketua Jabatan)

1. Saya memohon menggunakan kemudahan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh dijangka bersalin iaitu pada hingga Tarikh dijangka bersalin (EDD)* saya ialah pada
2. Permohonan Cuti Bersalin ini merupakan kali dalam perkhidmatan.
3. Bersama-sama ini disertakan dokumen sokongan daripada klinik/hospital Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin.
4. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan Pegawai :

Nama Pegawai :

Tarikh :

KEGUNAAN PEJABAT

LULUS / TIDAK LULUS

Tandatangan Ketua Jabatan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

*EDD –expected delivery date